

TIPS HADAPI KRISIS KEHIDUPAN

Pengarang:

Abdul Hadi Abd Aziz¹
Nurul Hanilah Mohd Ismath²

E-mel:

abdulhadi@uthm.edu.my¹


Abstrak: Adakah anda pernah berhadapan dengan banyak masalah dan situasi yang mendebarakan dalam hidup dan telah cuba mencari jalan penyelesaian namun tetap buntu? Akhirnya anda hidup dalam keadaan tertekan dalam tempoh masa tertentu. Akan tetapi, jika tiba-tiba terbuka luas di hadapan anda sebuah jendela ataupun anda tiba-tiba ternampak atau terbayangkan satu idea di mana ia merupakan idea yang bagus untuk menyelesaikan masalah, sudah pasti anda akan berteriak sambil berkata: "Wah, ini idea terbaik".

Kandungan buku ini berkongsi idea-idea melebihi 20 idea dan tips untuk para ayah dan ibu serta anak-anak. Termasuk juga untuk para pemimpin, pendidik dan pelajar dan lain-lain. Kami mengharapkan buku ini dapat mencapai objektifnya iaitu mencetuskan idea-idea dan mengambil manfaat daripadanya. Sekiranya anda, pembaca yang mempunyai idea-idea yang bernas untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan isu, bolehlah menghantar kepada kami untuk kami memanfaatkannya. Semoga Allah SWT memberi kejayaan kepada kita dan dengan-Nya kita memohon pertolongan.

Kata kunci: Krisis, manfaat, faktor, kaedah, relevan

Tips HADAPI KRISIS KEHIDUPAN

ABDUL HADI ABD AZIZ
NURUL HANILAH MOHD ISMATH



Tips HADAPI KRISIS KEHIDUPAN

Tips HADAPI KRISIS KEHIDUPAN

ABDUL HADI ABD AZIZ
NURUL HANILAH MOHD ISMATH

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti.

Penulis:
Abdul Hadi Abd Aziz
Nurul Hanilah Mohd Ismath

Diterbit oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor.
No. Tel: 07-453 8698 / 8529

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
e-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:
Attin Press Sdn. Bhd.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
No. Tel: 03-89390660



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
ISBN 978-629-490-292-3



ISI KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xi</i>
Pengenalan	1
Tips 1: Persatuan Kekeluargaan	5
Tips 2: Kebebasan Memilih	11
Tips 3: Memupuk Rasa Cinta kepada Al-Quran dalam kalangan Masyarakat	15
Tips 4: Mudah Bangun Solat Subuh	21
Tips 5: Menghilangkan Rasa Gelisah dan Terteka	25
Tips 6: Cara Bijak Galakan Menabung	29
Tips 7: Perubahan Hidup Seseorang	33
Tips 8: Meringankan Beban Keluarga	39
Tips 9: Pengurusan Kewangan	43
Tips 10: Suami Melekat di Rumah	47
Tips 11: Permudahkan Proses Perkahwinan	51
Tips 12: Hadiah Kelahiran Cahaya Mata yang Terbaik	57
Tips 13: Pengurusan Masa	61
Tips 14: Membahagiakan Seorang Ibu	65
Tips 15: Membantu Orang Bujang Berkahwin	69
Tips 16: Terbaik Menangani Masalah Pengangguran	75
Tips 17: Perkenal Qari Al-Quran kepada Anak-Anak	81



Tips 18: Merawat Masalah Remaja Lelaki yang Parah	85
Tips 19: Rawat Masalah Remaja Perempuan yang Parah	91
Tips 20: Menangani Masalah Dadah	95
Tips 21: Kebijaksanaan Seorang Isteri Membawa ke syurga	101
Tips 22: Manfaatkan Kelebihan Anak-Anak	107
Tips 23: Mencari Peluang Pekerjaan di Era Digital	111
Penutup	117
<i>Bibliografi</i>	119
<i>Biografi Penulis</i>	121
<i>Indeks</i>	123



PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kami diberi kesempatan untuk menyiapkan buku ini yang bertujuan membantu pembaca dalam menghadapi pelbagai krisis yang mungkin timbul dalam kehidupan seharian. Krisis dalam kekeluargaan, kemasyarakatan, dan kehidupan sering kali datang tanpa diduga. Buku ini hadir untuk memberikan panduan serta idea-idea praktikal bagi mengatasinya.

Buku ini terinspirasi daripada kisah-kisah nyata yang berlaku dalam kalangan masyarakat Arab Mesir. Walaupun latar belakangnya berbeza, isu-isu yang dibincangkan adalah sejagat dan relevan kepada kita semua, khususnya dalam konteks masyarakat Malaysia. Kami yakin bahawa banyak yang dapat dipelajari daripada pengalaman mereka dalam menangani masalah-masalah yang serupa dengan cara yang kreatif dan berkesan.

Dalam dunia yang serba pantas dan penuh dengan perubahan, krisis dalam keluarga, masyarakat dan kehidupan peribadi sering kali tidak dapat dielakkan. Namun, dengan pengetahuan dan pendekatan yang tepat, kita mampu mengubah cabaran ini menjadi peluang untuk pertumbuhan dan perubahan diri. Buku ini mengumpulkan pelbagai tips yang relevan dan mudah diikuti,



yang dipercayai dapat membantu pembaca dalam menangani pelbagai masalah yang dihadapi.

Antara topik yang dibincangkan termasuklah cara memperkukuh hubungan kekeluargaan, pentingnya kebebasan memilih serta memupuk rasa cinta kepada al-Quran dalam kalangan masyarakat. Kami juga menyediakan panduan untuk mengatasi masalah yang sering membelenggu kehidupan seharian seperti cara mudah untuk bangun solat Subuh, menghilangkan rasa gelisah dan tertekan serta cara bijak menabung.

Tidak ketinggalan, buku ini juga menyentuh aspek-aspek yang penting dalam pembinaan dan perubahan hidup seseorang. Dari bekerja ketika cuti semester, menguruskan kewangan hingga kepada tips untuk suami melekat di rumah dan mempermudah urusan perkahwinan. Kami juga memberi panduan tentang hadiah kelahiran cahaya mata yang terbaik, pengurusan masa serta cara-cara membahagiakan seorang ibu.

Selain itu, buku ini turut menawarkan tips untuk membantu orang bujang berkahwin, menangani masalah pengangguran dan memperkenalkan qari al-Quran kepada anak-anak. Dalam menghadapi isu-isu sosial yang lebih kompleks, kami juga menyediakan panduan merawat masalah remaja lelaki dan perempuan yang parah serta menangani masalah dadah.

Kami berharap agar buku ini dapat menjadi sumber inspirasi dan panduan yang berguna bagi semua pembaca. Setiap kisah dan pengalaman yang dikongsikan di sini diharapkan dapat memberikan pengajaran yang bermakna dan menjadi dorongan untuk melakukan perubahan positif dalam hidup masing-masing.

Akhir kata, kami memohon maaf atas segala kekurangan dan kesilapan yang terdapat dalam buku ini. Kami amat menghargai



sebarang maklum balas daripada para pembaca untuk penambahbaikan di masa hadapan. Semoga Allah SWT memberi kekuatan dan istiqamah kepada kita semua dalam meneruskan usaha ini dan semoga buku ini dapat memberi manfaat yang besar kepada semua yang membacanya.

Terima kasih kepada semua pihak yang telah menyokong usaha ini dan sentiasa memberi kata-kata semangat dan positif. Semoga Allah memberkati kita semua.

Penulis



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah kurnia dan nikmat-Nya, sehingga hari ini kita masih lagi dapat menghirup udara segar dan menikmati keindahan alam yang penuh dengan rahsianya. Syukur ke hadrat Ilahi kerana telah memberikan kekuatan dan kesungguhan untuk menyiapkan buku ini.

Jutaan terima kasih kepada saudara Badar bin Muhammad Badar dari Kaherah, Mesir atas bantuan beliau, berkongsi idea dan nasihat untuk kami menyiapkan buku ini agar dapat dikongsikan bersama masyarakat dalam usaha memberi perubahan positif dalam diri dan menyelesaikan masalah yang sering kali berlaku dalam kehidupan seharian.

Buku ini menyentuh pelbagai masalah dan situasi yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat kita serta menyajikan beberapa jalan keluar yang menarik dan mungkin tidak terlintas di fikiran kita. Walaupun buku ini kecil dan ringkas kandungannya, jika dihayati dan dipraktikkan, insya-Allah ia dapat membantu kita menyelesaikan masalah dengan lebih baik. Kisah-kisah yang dikongsikan di dalam buku ini berkemungkinan pernah dan masih dihadapi oleh masyarakat kita. Namun, ia tetap dapat dijadikan pengajaran dan pedoman bagi mereka yang belum pernah mengalaminya.



Asas buku ini adalah gabungan cerita-cerita realiti yang telah berlaku dalam kalangan masyarakat Arab Mesir. Namun, ia boleh dijadikan pengajaran yang berguna kepada kita di Malaysia kerana isu kemasyarakatan yang berlaku di seluruh dunia adalah hampir sama. Kisah-kisah hidup mereka yang dikongsikan menceritakan bagaimana masalah dan kesusahan yang mereka hadapi dapat ditangani dan diatasi dengan cara yang terbaik dan kreatif. Buku ini juga mempersembahkan kepada para pembaca kisah-kisah dan pengalaman yang dapat dijadikan batu loncatan untuk melakukan perubahan dalam hidup mereka. Justeru, kisah-kisah ini telah dikumpulkan dan dibukukan supaya faedahnya dapat dikongsikan bersama para pembaca yang inginkan perubahan dalam hidup. Dengan izin Allah, kami yakin buku ini dapat memberi para pembaca buah fikiran dan idea yang sesuai untuk menyelesaikan masalah tertentu dan memberi perubahan positif dalam hidup masing-masing.

Akhir kata, kami berharap agar buku ini dapat memberi manfaat yang besar kepada semua pembaca. Semoga usaha kalian untuk membawa sinar baru dalam kehidupan menjadi kenyataan dengan usaha, doa dan istiqamah. Insya-Allah.

Segala kekurangan dan kesalahan kami dahului dengan kemaafan. Kami berharap para pembaca dapat memberikan maklum balas agar penambahbaikan dapat dilakukan terhadap buku ini. Semoga Allah memberi kekuatan dan istiqamah untuk meneruskan usaha ini, serta mengurniakan ganjaran yang setimpal dengan usaha yang telah dilakukan. Begitu juga kepada para pembaca, semoga diberkati dan dirahmati Allah SWT.

Kepada keluarga dan anak-anak yang tercinta, jutaan terima kasih atas sokongan, semangat serta kata-kata positif yang telah




menjadi pendorong utama dalam penghasilan buku ini. Semoga Allah SWT sentiasa memberkati dan merahmati keluarga kita dengan kebahagiaan dan keberkatan yang berpanjangan.

Abdul Hadi Abd Aziz
abdulhadi@uthm.edu.my

Nurul Hanilah Mohd Ismath
hanilah@iium.edu.my





Adakah anda pernah berhadapan dengan banyak masalah dan situasi yang mendebarakan dalam hidup lalu mencuba pelbagai cara untuk mencari jalan penyelesaian, namun akhirnya tetap buntu? Anda mungkin hidup dalam keadaan tertekan dalam tempoh masa tertentu, namun bayangkan jika tiba-tiba terbuka luas di hadapan anda sebuah jendela harapan ataupun anda tiba-tiba ternampak atau terbayang satu idea di mana ia merupakan idea yang nampak begitu jelas dan bernas untuk menyelesaikan masalah tersebut sudah pasti anda akan berteriak dengan penuh semangat: “Wah, inilah idea terbaik!”

Buku ini merupakan hasil gabungan idea-idea dan cara-cara penyelesaian yang unik dan kreatif untuk menyelesaikan masalah yang kita hadapi samada sebagai seorang individu ataupun sebagai sebuah masyarakat. Kami telah memikirkan penyelesaian ini dengan gambaran yang berbeza dan dibukukan untuk dijadikan satu pintu penyelesaian yang terbuka bagi mencapai apa yang diharapkan. Akhirnya, terhasillah daripada idea-idea ini “Kunci-Kunci Kehidupan”.

Selain itu juga, kami turut mempersembahkan kepada anda semua pelbagai idea yang boleh membantu mengubah realiti



kehidupan kita sekarang kepada kehidupan yang lebih baik. Tambahan juga, kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku dalam masyarakat, ekonomi, pendidikan dan akhlak. Kami sedar bahawa terdapat banyak idea dan fikiran yang perlu kita perhatikan dan mengambil berat serta melaksanakannya. Jikalau kita memanfaatkannya nescaya akan mengubah realiti kehidupan kita dengan ketara.

Kandungan buku ini menghimpunkan lebih daripada 20 idea dan tip bermanfaat yang sesuai untuk ibu bapa, anak-anak, pendidik, pemimpin, pelajar dan golongan umum. Setiap idea dikongsikan dengan harapan dapat menjadi panduan, inspirasi dan pencetus perubahan ke arah kehidupan yang lebih baik. Kami mengharapkan agar buku ini berjaya mencapai objektif utamanya iaitu mencetuskan idea-idea bermanfaat dan memberikan inspirasi kepada para pembaca. Sekiranya anda mempunyai idea-idea yang bernas untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan isu kami amat mengalu-alukan perkongsian tersebut. Sumbangan idea anda mungkin dapat dimanfaatkan dalam penulisan atau usaha seterusnya demi kebaikan bersama. Semoga Allah SWT mengurniakan kejayaan kepada kita semua dan hanya kepada-Nya jua kita memohon pertolongan dan kekuatan.



وَاللّٰهِ فِكْرَةٌ!

Wah, ini idea
yang bagus!



TIPS 1

PERSATUAN KEKELUARGAAN

Peningkatan Kadar Perceraian dan Kahwin Lambat

Suatu ketika dahulu terdapat seorang alim yang baik hati sedang membaca berita dalam sebuah laporan akhbar mengenai kadar peningkatan kadar perceraian dalam kalangan masyarakat Mesir terutamanya pada tahun-tahun awal perkahwinan. Laporan itu menyatakan bahawa statistik perceraian telah meningkat dari tahun ke tahun.

Beliau tiba-tiba teringat akan sebuah laporan yang pernah dibaca pada beberapa bulan dahulu tentang peningkatan jumlah pemuda-pemudi yang berkahwin lewat iaitu melebihi umur 35 tahun. Menurut laporan tersebut, jumlah mereka telah mencecah lebih 9 juta orang.



Beliau menyedari bahawa berita ini menunjukkan satu bentuk kemusnahan yang nyata dalam masyarakat. Kemusnahan ini perlahan-lahan merobohkan benteng kemasyarakatan yang


TIPS 2

KEBEBASAN MEMILIH

Pada suatu hari, ramai saudara-mara telah datang untuk mengucapkan tahniah kepada anak saudara mereka dalam sebuah majlis kesyukuran. Majlis tersebut turut diserikan dengan jamuan makan sebagai tanda meraikan kejayaan yang telah dicapai.

Pandangan yang Berbeza

Selepas itu, bermulalah sesi perbincangan bersama para tetamu tentang masa depan pelajar tersebut seperti institusi manakah yang akan menjadi pilihan untuk menyambung pengajiannya, bidang apakah yang dipilih dan sebagainya. Sebenarnya, dia telah mendapat banyak tawaran untuk melanjutkan pelajaran dan tawaran-tawaran tersebut sesuai dengan pencapaian cemerlangnya dalam peperiksaan yang lepas. Kebanyakan tetamu berpendapat dan mencadangkan supaya dia menyambung pelajaran dalam bidang perubatan, pergigian



TIPS 5

CARA UNTUK MENGHILANGKAN RASA GELISAH DAN TERTEKAN


Terdapat seorang pemuda yang hidup dalam keadaan sederhana. Dia seorang yang sentiasa mencari taufik dan hidayah Allah SWT dalam kehidupan dan pekerjaannya. Dulu dia adalah seorang yang kuat dan *istiqamah* dalam agama, menunaikan segala kewajipan dan suruhan tuhan nya dan sentiasa bersungguh-sungguh melakukan setiap amalan yang diajar oleh agama. Setiap kali dia menghayati amalan yang dilakukan, cintanya terhadap agama semakin bertambah, begitu juga rasa bangganya. Setiap kali dia menyaksikan keagungan agamanya, hatinya menjadi lebih tenang dan bahagia.

Selain itu, pemuda ini juga pernah memiliki sifat wasatiah (kesederhanaan) dalam semua keadaan. Lihatlah betapa cantiknya sifat ini yang patut dijadikan asas dalam kehidupan seseorang yang beragama Islam. Dengan adanya sifat ini, seseorang itu terlepas dari sifat berlebih-lebihan dan melampau-



TIPS 6

CARA BIJAK GALAKAN MENABUNG



Kesan Pemakanan Tidak Sihat

Seorang ibu telah letih mendengar rungutan dan aduan anak-anaknya yang selalu sakit badan dan cirit-birit yang teruk. Oleh itu, dia membawa anak-anaknya pergi

berjumpa doktor untuk pemeriksaan. Doktor telah menegaskan bahawa sebab utama kepada masalah ini ialah faktor pemakanan tidak sihat. Isu ini telah berleluasa dalam dunia kanak-kanak melibatkan makanan ringan, makanan bergoreng, makanan manis dan lain-lain.

Langkah Pertama Mencari Penyelesaian

Setelah mengetahui sebabnya, si ibu tadi berusaha mencari jalan yang terbaik untuk mengelakkan anak-anaknya daripada membeli makanan tidak sihat sehingga menyebabkan sakit-sakit.

TIPS 7


PERUBAHAN HIDUP SESEORANG

Di sebuah perkampungan, ada seorang lelaki yang hidup dengan penuh keseronokan dan kegembiraan. Namun hidupnya tidak ada arah tujuan melainkan berseronok dan bergembira semata-mata. Selain itu, dia juga selalu menghabiskan masanya di *café* dan di panggung wayang bersama rakan-rakannya yang juga tiada matlamat hidup.



Kesan Hidup Tanpa Rasa Tanggungjawab

Tambahan lagi, dia merasakan hidup ini adalah miliknya. Dia boleh lakukan apa sahaja atas kemahuannya. Tiada tanggungjawab untuk ditanggung, tiada bebanan untuk dipedulikan dan tiada tekanan hidup untuk difikirkan. Justeru itu, dia hanya memerlukan wang dan habiskannya bersama rakan-rakannya hingga lewat malam. Suatu masa dahulu, dia pernah belajar sehingga ke peringkat diploma, malangnya dia tidak sempat menghabiskannya untuk dapatkan sijil.



TIPS 8

MERINGANKAN BEBAN KELUARGA

Permulaan Cabaran Hidup



Tahun pertama pengajian sudah berlalu di salah sebuah universiti awam. Seorang pelajar di universiti itu berada dalam keadaan situasi kewangan yang agak teruk. Keadaan hidupnya agak tersepit, susah dan terseksa. Dia merupakan pelajar dari sebuah keluarga miskin yang mempunyai lima orang adik-beradik. Dia merupakan anak sulung dan satu-satunya anak yang menyambung pelajaran hingga peringkat universiti.

Ibunya adalah seorang suri rumah sepenuh masa dan bapanya pula berkerja sebagai seorang penjawat awam. Selain itu, bapanya juga melakukan kerja-kerja sampingan pada waktu malam demi menyara kehidupan mereka sehari-hari dan memenuhi keperluan asasi mereka sekeluarga. Namun, kenaikan harga barang keperluan menjadikan kehidupan mereka semakin mencabar.



TIPS 9

PENGURUSAN KEWANGAN



Kegelisahan dan Kebimbangan Si Suami

Pada suatu hari, seorang suami memasuki rumahnya dengan dahi yang berkerut. Terpancar di raut wajahnya tanda-tanda rasa gelisah dan tertekan. Isterinya seolah-olah dapat mengagak ada sesuatu perkara telah terjadi kerana dia cukup mengenali suaminya itu.

Selepas itu, suaminya masuk ke dalam bilik sambil diekori oleh isterinya dari belakang dan kemudian dia menukar pakaiannya dan terus berwuduk. Barulah dirinya nampak tenang sedikit selepas itu.

Lalu si isteri pun berkata: *“Insya-Allah, semoga dipermudahkan Allah SWT”*.

Sejurus selepas itu suaminya pun berkata: *“Abang pergi membayar bil telefon hari ini, tapi jumlah bayarannya mengejutkan abang. Abang tak tahu bagaimana nak cakap”*. Tambahnya lagi: *“Awak tahukan bagaimana situasi kewangan rumah tangga kita kan...? Keadaan hidup kita bergantung di bawah peliharaan dan*





TIPS 10

SUAMI MELEKAT DI RUMAH

Krisis Rumah Tangga



Seorang isteri sabar menunggu kepulangan suaminya yang kerap pulang lambat sehingga hampir tengah malam. Kemudian mereka bertekak disebabkan hal tersebut. Begitulah kebiasaan yang selalu berlaku kepada pasangan ini.

Sehinggalah pada suatu hari, isterinya berasa bosan dengan kehidupan sebegitu. Dia sudah letih bertekak dengan suaminya setiap kali suaminya pulang lambat.

Selain itu juga, si isteri cuba untuk berbincang dengan suaminya secara tenang dan baik, namun ianya tidak memberikan sebarang hasil dan perubahan yang diimpikannya.

TIPS 11

PERMUDAHKAN PROSES PERKAHWINAN

Perjuangan Seorang Pemuda

Seorang pelajar yang berjuang habis-habisan dalam pelajarannya telah berjaya menghabiskan pengajiannya dan bergelar seorang graduan dari salah sebuah universiti. Kemudian Allah SWT telah membukakan baginya pintu rezekinya dan dia telah mendapat pekerjaan yang sesuai. Semuanya ini adalah hasil daripada usahanya yang penuh dengan jerih perih dan cabaran serta berusaha semampu yang boleh.



Pemuda itu bekerja pada waktu pagi, kemudian dia mencari peluang bekerja sampingan pada waktu malam. Hasil usahanya ini, dia dapat mengumpul banyak pendapatan daripada hasil titik peluhnya. Hasratnya yang sebenar adalah untuk mencapai impiannya iaitu untuk mendirikan perkahwinan dan membina sebuah keluarga yang bahagia.

TIPS 12

HADIAH KELAHIRAN CAHAYA MATA YANG TERBAIK

Berita Gembira

Tiba-tiba telefon berdering. Seorang kakak cepat-cepat menjawabnya dan telah dikhabarkan dengan sebuah berita gembira. Segala kerisauan sebelum ini terus hilang di kotak fikirannya dan dia terasa bagaimana seperti sedang terbang di awangan



kerana terlalu gembira. Perkara yang sangat mengembirakannya itu ialah adik perempuannya telah dikurniakan seorang bayi comel yang pertama.

Sambil dia berkata: “Alhamdulillah, adikku telah selamat melahirkan zuriatnya yang pertama. Alhamdulillah!”

Saranan Amalan Sunat

Tidak berapa lama kemudian, suaminya pulang dari kerja. Dia pun terus memberitahu suaminya akan berita baik itu. Kemudian si

TIPS 13

PENGURUSAN MASA

Kisah ini berlaku dua bulan sebelum tamatnya pengajian di sebuah universiti. Terdapat seorang pelajar yang sedang belajar di salah satu kuliah di universiti tersebut. Hari-harinya berlalu begitu sahaja sehingga dia tidak sempat melakukan persediaan untuk peperiksaan akhir tahun yang bakal berlangsung tidak lama lagi.



Kegelisahan dan Penyesalan


Dia sedar bahawa masa itu berlalu terlalu cepat dan dia telah mensia-siakannya. Dalam kotak fikirannya, tergambar jelas bahawa dirinya sedikit demi sedikit menuju ke arah kegagalan dan penyesalan. Dia juga tertanya-tanya apakah yang boleh dibuktikannya setelah bersusah payah menyambung pelajaran, pergi ke kelas dan lain-lain. Begitu juga keluarganya yang banyak membantu dari segi kewangan. Apa yang akan diungkapkan terhadap kedua ibu dan bapanya nanti. Bahkan juga masyarakat

TIPS 14

MEMBAHAGIAKAN SEORANG IBU

Hari Ibu: Kasih Sayang Sepanjang Masa

Hari Ibu disambut pada bulan Mei setiap tahun. Perayaan ini disambut oleh semua lapisan masyarakat sebagai tanda kasih dan sayang serta prihatin mereka kepada semua ibu. Tujuannya juga adalah untuk mengajak anak-anak untuk mengambil berat



tentang ibu mereka dan bercerita tentang jasa-jasa ibu serta kesusahan yang dialami serta kesabaran dalam meniti hari-hari mereka dari muda sehingga tua. Selain itu, sambutan Hari Ibu juga bertujuan untuk menggembirakan para ibu dan memuliakan mereka semua. Namun, kita sebagai masyarakat muslim patut meraikan setiap hari sebagai Hari Ibu.

Begitulah suruhan agama kita seperti yang banyak difirmankan oleh Allah SWT di dalam kitab suci-Nya, dan juga dalam sunnah Nabi junjungan kita Muhammad SAW. Begitu juga saudara kita yang telah menulis sebuah perkongsian sempena Hari Ibu,

TIPS 15

MEMBANTU ORANG BUJANG BERKAHWIN

Inspirasi daripada Sebuah Artikel

Ada seorang lelaki yang mana beliau merupakan seorang yang beragama dan cintakan kebaikan. Suatu hari beliau telah membaca sebuah artikel dalam sebuah majalah yang terkenal yang menyebut: “Saya seorang perempuan yang berpegang pada janji. Selepas akad nikah sejak tiga tahun yang lalu, suami saya belum mampu lagi untuk menyediakan kediaman yang selesa. Duit



gaji yang diperolehi digunakan untuk membayar segala yang wajib sahaja. Tapi pada masa yang sama harga rumah semakin naik. Setiap kali tarikh ulangtahun perkahwinan makin hampir, bertambah jauh niat kedua untuk membeli rumah. Sebabnya jelas adalah disebabkan keadaan kewangan dan ekonomi yang tidak stabil”. Tambah perempuan itu lagi: “Saya tak minta benda yang mustahil... Saya hanya minta sesuatu yang perlu... Saya tahu



TIPS 16

JALAN TERBAIK MENANGANI MASALAH PENGANGGURAN



Seorang khatib yang prihatin, bertanggungjawab dan sedar akan kewajipannya, dalam satu khutbah Jumaat beliau telah mengupas satu tajuk berkaitan krisis pengangguran. Kesannya sangat negatif terhadap masyarakat dan beribu-ribu penduduk akan hidup merana

bahkan juga berjuta-juta keluarga akan hidup terseksa disebabkan masalah ini. Dalam khutbahnya, beliau telah menyebut tentang sebab-sebab berlakunya pengangguran dan beliau menekankan bahawa menangani masalah ini adalah tanggungjawab semua pihak kerajaan, institusi masyarakat, bahkan individu itu sendiri. Antara isi penting yang dikongsikan oleh khatib tersebut adalah beberapa tips praktikal untuk menangani pengangguran:


1. Berani Mencuba Bidang Lain

Dalam khutbahnya, khatib mengingatkan jemaah agar mendorong anak-anak muda untuk tidak terlalu memilih pekerjaan. Beliau tertanya-tanya ketika beliau di atas mimbar

TIPS 17

PERKENALKAN QARI AL-QURAN KEPADA ANAK-ANAK

Seorang ayah baru sahaja pulang dari kerjanya tepat pada waktunya seperti biasa. Selepas menukar pakaiannya, dia mengambil wuduk dan menunaikan solat Asar dan kemudian memasuki ruang bilik makan. Dia mendapati keluarganya sedang menunggunya untuk makan malam bersama. Maka dia pun memberi salam dan duduk sambil berkata: “*Bismillah...*”. Mereka semua mula makan bersama-sama.



Ketika mereka sedang menjamu selera, radio sedang terpasang dan tiba-tiba kedengaran bunyi bacaan ayat-ayat suci al-Quran dengan jelas oleh seorang qari yang terkenal. Pada ketika itulah si ayah mendapat satu idea.

Lantas, si ayah tadi terus menyoal mereka: “*siapakah nama qari al-Quran yang kamu semua sedang dengar?*” Sebenarnya anak-anaknya masih lagi kecil. Jadi mereka semua terpinga-pinga.

TIPS 18

MERAWAT MASALAH REMAJA LELAKI YANG PARAH

Penemuan Mengejutkan

Pada suatu pagi, seperti biasa seorang remaja telah keluar dari rumahnya untuk ke sekolah. Selepas beberapa ketika, si ibu masuk ke bilik anaknya seperti kebiasaannya untuk mengemas dan membersihkan bilik. Ketika sedang



membersihkan kawasan tilam dan katil, tiba-tiba ibunya ternampak sehelai sampul kertas yang agak tebal terselit di bawah tilam katil anaknya. Lalu si ibu mencapai sampul tersebut lalu membukanya. Alangkah terperanjat dan tersentakunya si ibu setelah melihat isi kandungan sampul tersebut. Dia tidak menyangka sama sekali dengan apa yang dilihatnya. Daripada siapa? Daripada anak lelakinya? Sedangkan anak lelakinya sangat terkenal dengan akhlak yang baik dan budi pekerti yang terpuji.


Dengan perasaan kecewa yang mendalam, si ibu memeriksa isi sampul itu dan mendapati beberapa keping gambar wanita yang berpakaian tidak sopan, aurat terdedah, pakaian nipis

TIPS 19

MERAWAT MASALAH REMAJA PEREMPUAN YANG PARAH

Perubahan Seorang Remaja

Seorang ibu telah mendapat tahu bahawa anak perempuannya telah menjalin hubungan sulit dengan salah seorang pemuda yang tinggal di kawasan penempatan yang sama. Anak gadisnya itu sedang melalui fasa



kehidupan sebagai seorang remaja seperti remaja-remaja perempuan yang lain yang berada pada peringkat usianya sekarang. Pada usia yang sebegini, mereka mempunyai naluri dan perasaan terhadap rakan mereka yang berlainan jantina. Seperti anak si ibu ini, dia mempunyai perasaan yang sedemikian. Situasinya sekarang mungkin disebabkan pengaruh rakan-rakannya yang lain yang seusia dengannya membuatkan dia terpengaruh.

Hal ini mengejutkan ibunya dan membuatkan dia sangat marah terhadap anak perempuannya. Amarahnya memuncak seolah-

TIPS 20

MENANGANI MASALAH DADAH

Khutbah yang Membuka Mata

Seorang pemuda sedang duduk di saf paling hadapan di sebuah masjid di kawasan penempatannya, menghayati khutbah Jumaat yang sedang disampaikan oleh khatib. Khatib tersebut menyampaikan khutbahnya dengan penuh semangat. Kata-katanya menggambarkan keprihatinan dan kerisauan yang lahir dari hatinya sendiri.

Khutbah tersebut menyentuh tentang bahaya dadah terutama penyebarannya yang berleluasa di perkampungan mereka.

Khatib dengan nada yang tinggi menekankan bagaimana dadah seperti marijuana, ganja dan banju (sejenis dadah di Mesir) boleh menghancurkan kehidupan, kesihatan dan juga institusi kekeluargaan.



TIPS 21

KEBIJAKSANAAN SEORANG ISTERI MEMBAWA KE SYURGA

Kegelisahan Seorang Suami

Seorang suami pulang ke rumah dengan hati yang sedih. Wajahnya muram, langkahnya lesu. Tanpa berkata apa-apa, dia duduk di meja kecil di sudut ruang tamu, menarik nafas panjang, lalu mencapai sehelai kertas dan sebatang pen. Dengan tangan yang sedikit menggigil dia mula menulis sesuatu. Namun



belum pun selesai sepenuhnya, dia mengeluh perlahan, lalu merenyuk kertas itu dan melemparnya ke lantai. Matanya sayu, fikirannya berserabut. Kemudian, dia mengambil sehelai kertas yang lain, dan sekali lagi cuba menulis. Tetapi kali ini sebelum sempat habis menulis ayat terakhir, dia menarik-carikkan kertas tersebut, seolah-olah kata-kata yang ingin ditulisnya terlalu berat untuk diterjemahkan. Dengan tekad yang masih bersisa, dia capai sehelai kertas baru dan mula menulis semula.

TIPS 22

MANFAATKAN KELEBIHAN KANAK-KANAK

Keluhan Seorang Isteri

Suatu hari, seorang suami pulang dari kerja dan melangkah masuk ke apartmennya dalam keadaan letih. Dia berehat seketika, melepaskan lelah setelah seharian bekerja. Seperti biasa, dia disambut oleh isterinya



yang kemudiannya mereka menjamu selera bersama dan selepas itu menunaikan solat secara berjemaah. Tidak lama kemudian, si suami telah dihidangkan secawan teh Arab yang diletakkan beberapa helai daun pudina. Dia menghirup dengan penuh nikmat. Sedang menikmati teh tersebut isterinya datang seolah-olah mahu mengadu kepada suaminya. Kata si isteri: “Abang, anak lelaki kita dah besar sekarang. Dia juga sekarang mempunyai tenaga yang kuat. Apa tidaknya, dia main apa saja pasti akan rosak dan pecah semua mainan itu”.

TIPS 23


MENCARI PELUANG PEKERJAAN DI ERA DIGITAL

Cabaran Selepas Graduasi

Seorang graduan muda baru sahaja tamat pengajian di salah sebuah universiti tempatan dan telah menjalani latihan khidmat negara. Tidak lama kemudian, dia pulang ke rumahnya dengan penuh keresahan. Dia merasakan seolah-olah usahanya untuk mencari pekerjaan adalah sia-sia sahaja.



Walaupun telah berusaha selama berbulan-bulan, namun dia masih belum berjaya mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelayakannya. Pemuda itu berasa sangat sedih. Dia menyedari bahawa kehidupan pada zaman serba canggih di era digital ini di samping keadaan ekonomi yang teruk yang sedang melanda negara, menjadi punca utama kesukarannya untuk mendapatkan pekerjaan. Walaupun banyak syarikat yang sedang beroperasi, meraih keuntungan dan semakin maju, namun adakah wajar untuk dia hanya duduk bersahaja tanpa berusaha mencari sebarang



Alhamdulillah kami merafakkan setinggi-tinggi ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku ini berjaya disiapkan. Berkat kesabaran dan kesungguhan, kami telah menghasilkan sebuah karya yang sesuai untuk bacaan santai para pembaca sama ada dalam kalangan pelajar-pelajar, ibu bapa mahupun orang awam. Buku ini juga sesuai dijadikan bahan bacaan ringan sama ada dibaca secaa bersendirian atau bersama keluarga.

Seterusnya, kami amat mengharapkan sokongan dan dorongan daripada para pembaca agar dapat diteruskan dengan lebih tekun dan bersemangat, khususnya dalam memperbanyakkan bahan bacaan dalam bentuk sebegini. Masih banyak ilmu dan maklumat yang bermanfaat yang masih belum diterokai terutamanya dalam kalangan masyarakat Malaysia. Semoga semangat ini terus subur dan berpanjangan dengan berkat doa dan dorongan anda, para pembaca yang kami hormati dan kasihi.

Buku ini kami persembahkan kepada para pembaca sebagai santapan rohani dan jasmani serta pencetus kepada sesuatu yang mampu membawa banyak manfaat. Terima kasih kami ucapkan kepada para pembaca semoga kalian mendapat fikrah



BIBLIOGRAFI

- Al-Qarni, Dr. 'Aidh. (2004). *La Tahzan, Don't Be Sad, Jangan Bersedih*. Batu Cave: Pustaka Al-Ehsan.
- Al-Ghazali, Imam. (2010). *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Minhaj.
- Badar bin Muhammad Badar. (2007). *Wallahi Fikrah*. Kaherah: Al-Badr.
- Covey, Stephen R. (1989). *The 7 Habits of Highly Effective People*. New York: Free Press.
- Hamka. (2015). *Falsafah Hidup*. Jakarta: Republika
- Hamka. (2015). *Tasawuf Moden*. Jakarta: Republika.
- Ibrahim, Prof. Muhd Kamil. (2013). *Bersyukur Saat Diuji*. Kuala Lumpur: Galeri Ilmu.
- Ibrahim, Prof. Muhd Kamil. (2013). *Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman*. Kuala Lumpur: Galeri Ilmu.
- Ibn Kathir. (2003). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Riyadh: Darussalam.
- Mohamad Juoi, Pahrol. (2010). *Mukmin Profesional: Celik Mata Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2019). *Fiqh Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Yusuf, Dr. Qaradawi. (2011). *Marriage in Islam*. London: Islamic Publications.



BIOGRAFI PENULIS



Abdul Hadi bin Abd Aziz

Berkhidmat sebagai seorang guru Bahasa Arab di Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) sejak dari tahun 2018 hingga sekarang. Memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Linguistik Arab dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Bahasa Arab dan Kesusasteraan Arab dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kepakaran beliau lebih kepada tatabahasa Arab, linguistik Arab dan terjemahan. Beliau telah menterjemah beberapa buah buku Arab ke dalam bahasa Melayu antaranya adalah “*Oh Begitu Rupanya Kisah Nabi Adam a.s.*”. Beliau juga aktif dalam penulisan artikel akademik dan umum. Pernah berkhidmat sebagai tenaga pengajar bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dari tahun 2008 hingga 2013 dan tahun 2017 serta berkhidmat secara sambilan di UIAM Kampus Pagoh dari tahun 2018 hingga tahun 2022.





Nurul Hanilah binti Mohd Ismath

Berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Arab, Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sejak dari tahun 2017 hingga sekarang. Memiliki Ijazah Kedoktoran dalam bidang Linguistik Arab (Pragmatik) di University of Jordan. Manakala Ijazah Sarjana dalam bidang Linguistik Bahasa Arab dan Sarjana Muda dalam Bahasa Arab dan Kesusasteraan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Bidang kepakaran beliau adalah linguistik Arab pengkhususan pragmatik. Beliau aktif dalam penulisan artikel akademik dan penerbitan. Beliau juga sering membentangkan kertas kerja akademik di dalam Malaysia dan luar negara. Beliau juga pernah memenangi beberapa anugerah antaranya anugerah penerbitan selama tiga tahun berturut-turut di Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).



INDEKS

A

adab 58, 97
adik 39, 41, 57, 58, 59
agama 16, 18, 19, 21, 25, 30, 65, 70,
73, 86, 97, 99, 103
akhirat 16, 103
akhlak 2, 52, 85, 86
aktiviti 6, 18, 66, 67, 82, 83, 94, 98,
100
aku 2, 13, 14, 34, 40, 41, 49, 92, 107,
110
alam 7
al-Azhar 15, 76
alim 5, 8
Allah 2, 25, 27, 35, 36, 37, 43, 44, 45,
50, 51, 53, 55, 58, 60, 62, 63,
64, 65, 67, 71, 72, 73, 89, 93,
102, 103, 104
al-quran 16, 18, 81, 82, 103
al-Quran 17, 35, 83, 103, 104
anak-anak 2, 14, 30, 32, 45, 48, 49,
65, 66, 67, 75, 76, 77, 82, 83,
88, 92, 108
aqiqah 58
Arab 15, 105
artikel 69, 70

B

bahagia 8, 25, 27, 50, 51, 54, 70, 93,
104
bangun 27, 28, 35, 44, 54, 103
bayi 57, 58, 59, 60
bekerja 40, 42, 51, 52, 53, 54, 76, 77,
78, 106, 110, 112

belajar 11, 15, 36, 40, 61, 64, 76, 78,
94, 99, 107, 111, 113
belanja 44, 101
beragama 53, 69, 70, 72
berakhlak 97
berasa 6, 12, 13, 26, 27, 31, 35, 40, 47,
49, 59, 86, 92, 106
berat 2, 8, 58, 65
berazam 17, 22, 37
berbeza 1
berdoa 62, 63
berehat 105
berfaedah 31, 64
beristirehat 35
berita 5, 34, 57, 60
berjalan 18, 66, 72
berjaya 6, 13, 14, 16, 17, 18, 19, 24, 27,
31, 37, 40, 50, 62, 64, 72, 82,
88, 98, 99, 100, 104, 109, 112
berkesan 15, 16, 18, 23, 24, 92, 100
berkhidmat 16, 21, 119
bersabar 36, 79
bersedekah 58
bersyukur 50, 54, 63, 103
bertanggungjawab 34, 71, 75, 86, 110
bertemu 16, 27, 35, 41, 52, 64, 67,
93, 97
berusaha 6, 7, 13, 27, 29, 30, 36, 49,
51, 52, 53, 54, 55, 64, 70, 112,
113, 115
berwuduk 27, 28, 35, 43, 103
bijak 32, 45, 46, 54, 60, 88, 104, 108
bijaksana 28, 50, 103
bil 43, 44, 45

boleh 1, 6, 12, 14, 18, 21, 23, 24, 33, 37,
45, 51, 61, 66, 70, 72, 86, 92,
95, 96

bosan 47

C

cabaran 7, 9, 24, 37, 41, 42, 46, 51, 54,
76, 79, 108, 113

cahaya 58

cara 1, 7, 14, 16, 34, 40, 49, 59, 60,
66, 72, 87, 88, 102, 104

ceramah 6, 16, 97, 98

cinta 12, 50, 76, 83

corak 36

cuti 16, 17

D

dadah 95, 96, 97, 98, 99, 100

diatasi 42, 50, 100

dibaca 5, 18

diekori 43

diilhamkan 70, 96

doa 27, 64, 67, 89, 115

dorongan 14, 23, 24, 115

dunia 16, 29, 67, 79, 102, 103, 110, 113

F

faedah 71, 106

faktor 29

fakulti 14

farmasi 11

fasa 91

fikrah 18, 59, 78, 83, 96, 115

G

gagal 50

galakan 23, 30, 97

gelisah 43, 62, 102, 106

graduan 51, 109, 110, 112, 113

gundah 26, 27, 54

H

hadiah 41, 52, 53, 58, 59, 60, 66, 82

hadiahkan 67

halal 60, 70, 77, 79

hasil 1, 12, 17, 18, 31, 41, 47, 51, 64, 87,
106, 108

hasrat 45

hidup 1, 18, 25, 27, 28, 33, 37, 41, 42,
43, 47, 52, 53, 54, 70, 75, 82,
83, 92, 93, 104, 115

hubungan 50, 87, 88, 89, 91, 92, 93,
94, 99, 108, 113

I

ibu 2, 29, 30, 31, 32, 59, 61, 65, 66,
67, 76, 85, 86, 87, 88, 89, 91,
92, 93, 106, 108, 115

idea 1, 2, 6, 8, 18, 22, 30, 32, 40, 41,
59, 60, 66, 70, 81, 83, 87, 92,
96, 101, 103, 115

ikhlas 9, 42

Ilahi 58

ilham 59

ilmu 15, 16, 18, 19, 83, 115

insan 65

Islam 6, 23, 25, 31, 96, 117, 119, 120

J

jalan 1, 22, 26, 29, 34, 37, 48, 64, 66,
70, 111

jasa 62, 65

jauhi 87

jemaah 21, 22, 23, 24, 36, 75, 76, 77

jiran 96

K

kaedah 32

kanak-kanak 17, 29, 59, 106, 107

kasih 27, 49, 50, 55, 60, 64, 65, 67,
71, 94, 104, 108, 115

kebahagiaan 37, 45, 46, 49, 50, 55,
70

kebebasan 14

kebijaksanaan 45, 50, 88, 89

kecewa 63, 85, 102

kecintaan 18

keesokan 82, 110



- kegagalan 61
 kehidupan 1, 2, 8, 9, 14, 16, 25, 36, 37, 39, 42, 45, 54, 91, 94, 95, 97, 102, 108, 109, 113
 keikhlasan 18
 keinsafan 37
 kejayaan 2, 6, 12, 14, 27, 37, 54, 64, 113
 kekuatan 23
 kelahiran 58, 59, 60
 kelebihan 16
 melewati 9, 28, 62
 kemahiran 110, 111, 112, 113
 keprihatinan 60, 88, 95
 kerisauan 57, 95
 kesabaran 23, 50, 65, 76, 79, 104, 112, 115
 kesan 22, 93, 96, 97
 kesedaran 24, 78, 83, 97, 99, 100, 104
 kesusilaan 64
 kesungguhan 6, 13, 18, 22, 27, 41, 49, 54, 64, 113, 115
 kewangan 39, 40, 43, 46, 61, 69, 110
 khatib 21, 22, 23, 75, 78, 79, 95, 96, 97, 100
 khidmat 8, 9, 67, 109, 110, 112
 khutbah 22, 23, 24, 75, 77, 95, 96, 99
 kreatif 1, 24, 30, 32, 60, 107
 krisis 50, 75
 kuat 25, 54, 63, 102, 105
 kursus 111, 112
- L**
- langkah 9, 18, 45, 46, 88
 lelaki viii, 6, 7, 17, 21, 26, 27, 28, 33, 34, 35, 36, 37, 53, 69, 70, 71, 72, 78, 105, 110
 letih 29, 30, 47, 48
 lewat 22, 33, 34, 48, 50
- M**
- maksiat 35, 36, 37
 Malaysia 115, 119, 120
 mampu 35, 41, 42, 45, 46, 53, 54, 64, 69, 77, 79, 99, 104, 106, 108
 manfaat 2, 14, 60, 77, 78, 83, 115
 marah 12, 13, 48, 91, 92
 masa 1, 8, 11, 16, 32, 33, 34, 39, 40, 46, 52, 60, 61, 62, 63, 64, 66, 69, 71, 76, 78, 86, 94, 98, 102, 107, 110, 116
 masalah 1, 2, 6, 7, 8, 9, 16, 22, 26, 29, 30, 34, 40, 41, 44, 45, 46, 48, 50, 62, 70, 75, 78, 79, 94, 96, 97, 99, 100, 106, 108
 masjid 16, 21, 22, 23, 35, 36, 50, 62, 63, 64, 76, 78, 95, 96, 97, 98, 99, 100
 masyarakat 1, 2, 5, 6, 7, 9, 16, 17, 18, 19, 23, 62, 65, 66, 75, 77, 78, 79, 82, 96, 99, 100, 106
 matlamat 16, 33
 melangkah 8, 14
 membaca 5, 35, 69, 70, 103
 membantu 1, 6, 7, 8, 9, 14, 16, 26, 32, 37, 40, 45, 46, 53, 54, 61, 64, 70, 72, 73, 88, 93, 96, 98, 103, 104, 106, 108, 110, 111
 memberangsangkan 18, 63
 membezakan 83
 membina 19, 51, 54, 55, 70, 94, 98, 100, 108, 112, 113
 memilih 12, 13, 14, 41, 42, 48, 50, 52, 58, 75, 78, 79
 meminta 17, 26, 28, 52, 58, 87
 memupuk 32, 76
 menabung 30, 31, 32
 menangani 6, 9, 22, 75, 79, 88, 94, 96
 menantu 54
 menasihati 58, 59
 mencintai 77
 mendoakan 58, 60
 mengajar 16, 30, 32, 37, 64
 mengatasi 30, 50, 54, 63, 64, 104, 113



mengekor 35
menggunakan 15, 16, 40, 45, 63, 64,
87, 94
menghadiahkan 66, 107
menghafal 16, 18
mengilhamkan 18
mengubah 1, 2, 16, 19, 23, 37, 41, 88,
108, 110, 115
mengulangkaji 62, 63, 93
menjaga 24, 54, 87, 88, 92, 99
menyara 39, 40, 110
merancang 18, 71
merehatkan 306
merisaukan 92
Mesir 5, 95
mula 5, 6, 8, 22, 30, 36, 37, 40, 44,
52, 63, 71, 78, 81, 83, 88, 99,
101, 107, 110

N

nak 43, 48
namun 1, 13, 47, 109
nasihat 9, 14, 27, 28, 54, 60, 63, 64,
87, 88, 106, 112

O

orang 5, 6, 15, 17, 18, 21, 22, 23, 30,
31, 39, 59, 66, 70, 71, 77, 78,
82, 115
otak 87, 96

P

pasangan 9, 50, 52, 104
pasrah 49
pekerjaan 37, 40, 42, 75, 76, 77, 78,
79, 109, 110, 111, 112, 113
pelajar 2, 6, 11, 12, 15, 17, 18, 39, 40,
41, 51, 61, 62, 63, 64, 76, 78, 115
pembaca 2, 14, 41, 73, 78, 83
pemuda 5, 7, 17, 25, 26, 27, 52, 54, 70,
72, 73, 76, 77, 78, 91, 92, 93,
95, 96, 97, 98, 99, 100, 110
pemudi 5, 7, 70, 78
perancangan 8, 60, 101

perbelanjaan 30, 31, 40, 41, 48, 59
perbezaan 21
perempuan 6, 17, 52, 53, 54, 69, 70,
87, 91, 94
perkahwinan 5, 7, 8, 9, 50, 51, 52, 54,
55, 69, 71, 72, 73, 110
persediaan 7, 61, 62, 72
perubahan 37, 47, 49, 93, 94, 100,
110, 113
pihak 6, 16, 17, 42, 52, 53, 71, 75, 86,
107, 108
prihatin 65, 75, 76, 78
program 8, 17, 19, 67, 94, 97, 98, 99,
100, 106, 111
projek 8, 72, 111
pujian 13

Q

qari viii, 81, 82, 83

R

rahmat 67
rahsia 8, 45, 97
rakan 6, 13, 27, 33, 34, 36, 37, 87, 91,
96, 99, 111
relevan vii, 111
remaja viii, 17, 85, 86, 91, 93, 94
risau 45, 102
rumah viii, 8, 9, 22, 27, 34, 39, 43, 46,
48, 50, 52, 53, 69, 92, 101, 103,
104, 106, 107, 110

S

sabar 50, 76, 94
saf 95
sakit 29, 32, 35
salah 12, 17, 31, 34, 41, 49, 51, 53, 60,
61, 70, 91, 92, 109
saudara 11, 12, 66, 92
sayang 45, 49, 50, 55, 60, 65, 67, 71,
94, 102, 104, 108
sedekah 32
sedekahkan 31
sedih 35, 92, 93, 101, 109



senyuman 26, 103
 sewaktu 35, 92
 sibuk 52, 94
 sihat 29, 30, 32, 49, 98, 100
 sikap 23, 60, 64, 113
 situasi 1, 17, 39, 42, 43, 46, 52, 54, 55, 92, 110
 sivik 78
 soalan 82, 103
 sokongan 45, 55, 93, 96, 97, 98, 99, 102, 115
 solat viii, 21, 22, 23, 24, 26, 27, 28, 34, 35, 36, 62, 63, 77, 87, 88, 97, 102, 103, 104, 105
 suami viii, 43, 44, 45, 46, 48, 49, 53, 58, 69, 70, 92, 101, 102, 103, 104, 105, 106, 107, 108
 subuh 21, 22, 23, 24, 26, 27, 34, 35, 87
 syukur 27, 41, 53, 93

T

tahun 5, 13, 31, 32, 40, 61, 64, 65, 66, 69, 93, 106, 107, 110, 119, 120
 takut 102, 106
 tanggungjawab 6, 7, 8, 9, 17, 22, 23, 33, 42, 46, 60, 75, 76, 77, 78, 79, 92, 96, 99
 telefon viii, 27, 43, 44, 45, 57, 66
 tenteram 26, 106

terbaik viii, xii, 1, 12, 13, 29, 44, 59, 87, 111, 115
 terseksa 39, 73, 75
 tersenyum 45, 99
 tersepit 39, 54, 106
 tersilap 102
 tertekan viii, 1, 6, 43, 46, 54, 62, 89, 106
 teruk 29, 34, 36, 39, 109
 tidur 27, 28, 34, 48, 49, 62
 tindakan 79, 86, 87, 88, 104
 tips vii, viii, 2, 75, 79, 94

U

ujian 36, 37, 41, 92
 ulangkaji 63
 universiti 15, 18, 39, 51, 61, 64, 76, 77, 109, 112
 usaha 8, 9, 14, 18, 24, 31, 37, 41, 42, 49, 50, 53, 54, 64, 71, 73, 77, 79, 89, 100, 102, 113, 115, 116

W

waktu 17, 18, 21, 23, 27, 28, 34, 35, 39, 44, 51, 63, 106, 115
 wang 30, 31, 32, 33, 40, 44, 59, 71, 72, 96, 102, 110
 wanita 7, 17, 85
 wuduk 81



Tips HADAPI KRISIS KEHIDUPAN

Adakah anda pernah berhadapan dengan banyak masalah dan situasi yang mendebarakan dalam hidup dan telah cuba mencari jalan penyelesaian namun tetap buntu? Akhirnya anda hidup dalam keadaan tertekan dalam tempoh masa tertentu. Akan tetapi, jika tiba-tiba terbuka luas di hadapan anda sebuah jendela ataupun anda tiba-tiba ternampak atau terbayangkan satu idea di mana ia merupakan idea yang bagus untuk menyelesaikan masalah, sudah pasti anda akan berteriak sambil berkata: "Wah, ini idea terbaik".

Kandungan buku ini berkongsikan idea-idea melebihi 20 idea dan tips untuk para ayah dan ibu serta anak-anak. Termasuk juga untuk para pemimpin, pendidik dan pelajar dan lain-lain. Kami mengharapkan buku ini dapat mencapai objektifnya iaitu mencetuskan idea-idea dan mengambil manfaat daripadanya. Sekiranya anda, pembaca yang mempunyai idea-idea yang bernas untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan isu, bolehlah menghantar kepada kami untuk kami memanfaatkannya. Semoga Allah SWT memberi kejayaan kepada kita dan dengan-Nya kita memohon pertolongan.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia


Penerbit

ISBN 978-629-490-292-3



9 786294 902923

0 4 4 0 0



**PENERBIT
UTHM**

